

NOTIS PRIVASI

NOTIS PRIVASI

Notis Privasi ini dikeluarkan oleh AmMetLife Takaful Berhad ('AmMetLife Takaful', 'kami').

Dalam menjalankan operasi harian kami, kami mengumpul Maklumat Peribadi anda apabila anda memohon untuk melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau apabila anda berkomunikasi dengan kami. Kami menggunakan maklumat ini untuk memberi anda produk atau perkhidmatan kami, menyimpan untuk rekod kami dan menghantar kemas kini yang berkaitan kepada anda.

Di bawah **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('PDPA')**, kami dikehendaki memaklumkan kepada anda:

- (i) jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpul dan cara kami mengumpunya;
- (ii) cara kami menggunakan Maklumat Peribadi anda;
- (iii) pihak yang kami dedahkan Maklumat Peribadi kepada;
- (iv) pilihan yang anda ada berkenaan dengan Maklumat Peribadi yang anda berikan;
- (v) perbezaan antara maklumat yang dianggap wajib atau pilihan; dan
- (vi) cara anda mengakses dan mengemas kini Maklumat Peribadi anda.

Oleh itu, privasi anda adalah penting kepada kami dan kami komited untuk melindungi Maklumat Peribadi anda dengan mengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi anda berdasarkan pertuntukan di dalam PDPA.

Di dalam Notis Privasi ini, berikut ialah maksud kepada istilah yang digunakan:

- **"Kumpulan AmBank"** merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak syarikat dan syarikat bersekutu langsung dan tidak langsungnya, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: AmBank (M) Berhad, AmBank Islamic Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmFunds Management Berhad, AmFutures Sdn Bhd, AmIslamic Funds Management Sdn Bhd, AmCards Services Berhad, AmMetLife Takaful Berhad dan AmMetLife Insurance Berhad. "MetLife" merujuk kepada MetLife Holdings Inc. dan semua anak syarikat langsung dan tidak langsungnya, syarikat bersekutu, sekutu, dan atau syarikat berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada AmMetLife Takaful Berhad.
- **"Maklumat Peribadi"** bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda dan yang telah atau akan diberikan oleh anda kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, bio-data atau profil peribadi anda, nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara, nombor pasport, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, imej, kecenderungan peribadi anda, butir-butir mana-mana pihak ketiga yang ditakafulkan atau benefisiari, kewangan dan mana-mana maklumat akaun perbankan atau akaun yang ditakafulkan oleh anda dan mana-mana maklumat yang boleh mengenal identiti anda, benefisiari, atau sebarang maklumat lain seperti yang ditakrifkan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang telah atau mungkin dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh kami dari semasa ke semasa. Istilah "Maklumat Peribadi" juga termasuk Maklumat Peribadi Sensitif seperti yang ditakrifkan dalam PDPA dan mana-mana undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.
- **"Maklumat Peribadi Sensitif"** merujuk kepada mana-mana Data Peribadi yang terdiri daripada maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental anda, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, data biometrik, perlakuan atau dakwaan melakukan kesalahan jenayah, atau mana-mana Data Peribadi lain yang mungkin ditentukan oleh Menteri dan ditakrifkan dalam PDPA dan mana-mana undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.
- Melainkan ditakrifkan dengan jelas di sini dan di mana konteks memerlukan, semua ayat bermula dengan huruf besar hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya di dalam PDPA.

1. Jenis Maklumat Peribadi yang Kami Kumpul dan Cara Kami Mengumpunya

Untuk membolehkan kami menangani pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan siji takaful untuk anda, atau memberikan anda produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin dikehendaki mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "memproses") Maklumat Peribadi dan/atau kewangan anda. Maklumat Peribadi dan/atau kewangan sedemikian diperlukan antara lain untuk:

- a. mewujudkan pengenalan dan latar belakang peribadi anda;
- b. mewujudkan kedudukan kewangan dan kepercayaan kredit anda jika diperlukan;
- c. menentukan keadaan kesihatan anda jika anda ingin mendapatkan sijil takaful yang ditawarkan oleh kami; dan/atau
- d. membekalkan anda dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami yang dipohon.

Kami mungkin mengumpul Maklumat Peribadi Sensitif yang berkaitan dengan kesihatan anda apabila anda memohon produk takaful keluarga kami, atau takaful untuk pembiayaan rumah anda.

Kami juga boleh mendapatkan Maklumat Peribadi anda daripada sumber berikut:

- a. Hubungan anda dengan kami, sebagai contoh, maklumat yang anda berikan dalam borang permohonan semasa memohon produk atau perkhidmatan kami, semasa berurusan berkenaan sijil takaful anda, semasa menggunakan perkhidmatan dalam talian atau elektronik kami, semasa mengambil bahagian dalam tinjauan pelanggan, peraduan dan promosi.
- b. Komunikasi lisan, bertulis dan/atau elektronik anda dengan kami atau ejen kami yang diberi kuasa;
- c. Pihak ketiga yang berhubung dengan anda, seperti majikan anda, pemilik polisi bersama, rakan kongsi lain dalam perkongsian anda, atau melalui pelanggan korporat kami atau penyedia keselamatan korporat di mana anda adalah pengarah, pemegang saham, pegawai atau penandatanganan yang diberi kuasa;
- d. Analisis dan penyelidikan tentang cara anda menggunakan dan mengurus sijil takaful anda dengan kami;
- e. Akses dan penggunaan perkhidmatan kami, transaksi yang anda lakukan dan pembayaran yang dilaksanakan melalui sijil takaful anda;
- f. Imej yang ditangkap oleh kamera litar tertutup (CCTV) di cawangan dan premis pejabat kami atau premis pihak ketiga (di mana terminal layan diri kami terletak), apabila anda melawat cawangan atau premis pejabat kami atau menggunakan terminal layan diri kami di premis pihak ketiga;
- g. Agensi pelaporan kredit dan sumber yang tersedia secara umum seperti melalui carian melalui pihak berkuasa atau agensi kerajaan yang berkaitan; dan/atau
- h. Data peribadi yang dikumpul apabila anda menggunakan ciri pengesahan biometrik untuk mengakses produk atau perkhidmatan AmMetLife Takaful (cth., pengesahan cap ibu jari di cawangan atau pejabat AmMetLife Takaful/AmBank untuk perkhidmatan takaful);
- i. Entiti lain dalam Kumpulan AmBank atau MetLife; dan/atau
- j. Mana-mana sumber lain yang telah anda berikan kebenaran anda untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan anda dan/atau jika tidak dihadkan.

Apabila anda memberikan kami Maklumat Peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga—seperti apabila anda menamakan mereka sebagai orang yang ditakafulkan, pemegang amanah atau benefisiari, atau apabila anda merujuk mereka kepada kami untuk tujuan menawarkan produk dan/atau perkhidmatan kami—anda mengesahkan bahawa anda telah mendapat persetujuan daripada pihak ketiga tersebut untuk berkongsi Maklumat Peribadi mereka dengan kami untuk tujuan yang digariskan di sini. Istilah "Maklumat Peribadi anda" termasuk sebarang Maklumat Peribadi tentang pihak ketiga yang anda berikan kepada kami.

Kami mungkin mengumpul dan mengesahkan Maklumat Peribadi anda daripada pelbagai pihak ketiga. Ini termasuk pemegang polisi yang telah mengeluarkan polisi bagi pihak anda, serta ejen, broker, rakan kongsi

perniagaan dan rakan kongsi strategik yang dikaitkan dengan kami. Selain itu, kami mungkin mengumpul maklumat daripada pihak ketiga yang telah merujuk anda atau daripada mereka yang memberikan pendapat yang berkaitan dengan polisi anda, termasuk permohonan polisi dan tuntutan. Ini mungkin melibatkan pihak seperti kumpulan syarikat AmBank, pembekal takaful atau insurans lain, persatuan takaful, persatuan insurans, hospital, klinik dan pihak berkuasa yang berkaitan.

Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan boleh menjadi mandatori atau pilihan. Maklumat Peribadi mandatori terdiri daripada maklumat anda yang kami perlukan supaya kami boleh menyediakan produk dan perkhidmatan yang diperlukan anda. Jika anda tidak memberikan kami Maklumat Peribadi mandatori, kami tidak akan dapat menyediakan produk dan perkhidmatan tersebut kepada anda. Maklumat Peribadi pilihan terdiri daripada maklumat anda yang tidak wajib diberikan kepada kami. Jika anda tidak mahu memberikan Maklumat Peribadi pilihan anda, anda masih boleh memohon untuk produk dan perkhidmatan kami. Maklumat Peribadi mandatori dan pilihan mungkin berbeza untuk pelbagai produk dan perkhidmatan kami dan ini akan ditunjukkan dalam borang permohonan produk dan perkhidmatan kami.

2. Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Selain daripada yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk satu atau lebih daripada tujuan berikut:

- a. menilai kelayakan atau kesesuaian anda untuk produk kami yang telah anda mohon dan untuk mengesahkan identiti atau kedudukan kewangan anda.
- b. untuk memberitahu anda tentang maklumat yang lebih dan terkini seperti penambahbaikan dan ciri baharu kepada produk dan perkhidmatan sedia ada, pembangunan produk dan perkhidmatan baharu, pertandingan, promosi dan tawaran daripada AmMetLife Takaful atau Kumpulan AmBank atau rakan kongsi perniagaan pihak ketiga yang mungkin menarik minat anda;
- c. mengurus dan mengekalkan sijil takaful anda melalui kemas kini yang kerap, penyatuan dan menambah baik ketepatan rekod kami. Dengan cara ini kami boleh menjawab pertanyaan, aduan anda dan secara amnya menyelesaikan pertikaian dengan cepat supaya kami boleh memperbaiki perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- d. menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis, perlombongan data dan analisis transaksi/penggunaan produk dan perkhidmatan anda untuk lebih memahami kedudukan kewangan/pelaburan semasa anda dan keperluan masa hadapan. Kami juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregatkan supaya identiti anda kekal sulit;
- e. mematuhi keperluan mana-mana undang-undang dan peraturan yang mengikat kami seperti menjalankan pemeriksaan anti-pengubahan wang haram, pengesanan/pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan dan keselamatan;
- f. menguatkuasa hak kami untuk mendapatkan semula sebarang hutang yang terhutang kepada kami, termasuk memindahkan atau menyerahkan hak, kepentingan dan kewajipan kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- g. melaksanakan perkhidmatan bersama didalam Kumpulan AmBank atau MetLife seperti audit, pematuhan, perundangan, sumber manusia, kewangan dan pengurusan risiko;
- h. penyumberan luar perniagaan dan operasi belakang tabir didalam Kumpulan AmBank atau MetLife; dan
- i. sebarang tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, piawaian, garis panduan, kod amalan dan/atau oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Kami akan meminta persetujuan anda sebelum menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan/atau dalam terma mana-mana perjanjian anda dengan AmMetLife Takaful.

3. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Di dalam memberikan anda produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin dikehendaki untuk mendedahkan maklumat tertentu tentang anda dan/atau akaun, kemudahan dan/atau sijil takaful anda dengan kami kepada pihak ketiga berikut:

- a. ejen dan penyedia perkhidmatan kami yang membantu kami dalam memproses, mentadbir, melengkapkan transaksi atau menyediakan perkhidmatan kepada anda bagi pihak kami, atau untuk memenuhi perkhidmatan nilai tambah yang anda minta;
- b. penasihat dan perunding profesional luar kami yang menyediakan perkhidmatan kepada kami, untuk keperluan perniagaan, operasi, undang-undang dan peraturan kami;
- c. mana-mana orang yang diberi kuasa atau dilantik oleh anda untuk memberi arahan kepada kami bagi pihak anda seperti ejen, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, broker dan pengantara anda;
- d. mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami atau memindahkan hak, kepentingan dan kewajipan di bawah sijil takaful anda dengan kami;
- e. mana-mana pihak ketiga yang muncul daripada penyerahan sijil takaful anda dengan kami, penjualan hutang, pemerolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh Kumpulan AmBank atau MetLife dengan syarat penerima menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang sama seperti yang asalnya dibekalkan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
- f. institusi kewangan lain yang memenuhi urusan niaga yang diperlukan oleh anda;
- g. Broker takaful, penanggung takaful semula, dan sekiranya keingkaran kemudahan yang diberikan kepada anda, kepada agensi kutipan hutang;
- h. daripada satu syarikat Kumpulan AmBank atau MetLife di mana anda telah melanggan produk atau perkhidmatan sebelum ini, kepada syarikat Kumpulan AmBank lain atau MetLife, untuk pemasaran produk dan perkhidmatan mereka yang mungkin menarik minat anda; dan/atau
- i. mana-mana pihak berkuasa yang berwajib dan/atau pengawal selia untuk melaksanakan fungsi mereka

tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai kepada Kumpulan AmBank atau MetLife.

Maklumat Peribadi anda mungkin dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia:

- a. ke negara atau wilayah di mana pemindahan telah dibenarkan secara khusus di bawah PDPA;
- b. apabila anda telah bersetuju dengan pemindahan ke lokasi tersebut di luar Malaysia;
- c. untuk menyelesaikan transaksi yang anda perlukan.
- d. apabila pemindahan itu perlu untuk memenuhi kontrak antara kami dan pihak ketiga yang terletak di luar Malaysia, yang dibuat menurut permintaan anda;
- e. apabila vendor atau penyedia perkhidmatan menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan kepada kami (termasuk perkhidmatan penyimpanan data), berpangkalan di lokasi di luar Malaysia, di mana contoh, kami akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan bahawa vendor atau penyedia perkhidmatan tersebut mempunyai langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang berkaitan untuk melindungi Maklumat Peribadi;
- f. untuk tujuan prosiding undang-undang di luar Malaysia dan untuk kami mendapatkan nasihat undang-undang atau untuk mempertahankan hak undang-undang kami; atau
- g. apabila anda adalah seorang yang tertakluk kepada undang-undang asing, Maklumat Peribadi anda mungkin didedahkan kepada mana-mana pihak berkuasa atau pengawal selia yang berwajib dalam bidang kuasa asing yang berkaitan.

Jika tidak, kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada orang lain, kecuali jika:

- a. anda telah memberikan kebenaran nyata untuk kami mendedahkan Maklumat Peribadi anda (tidak termasuk maklumat kewangan anda) kepada pakatan strategik pihak ketiga atau rakan kongsi perniagaan kami untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada anda;
- b. anda tidak memberitahu kami bahawa anda tidak mahu menerima bahan pemasaran daripada kami;
- c. kami dikehendaki atau dibenarkan berbuat demikian oleh undang-undang;
- d. kami dikehendaki atau diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Kumpulan AmBank atau MetLife
- e. kami mungkin memindahkan hak, kepentingan dan kewajipan di bawah perjanjian kami dengan anda; dan/atau
- f. kami dikehendaki memenuhi kewajipan kami kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Yakinlah, bahawa pada setiap masa, kami akan menghormati dan melindungi privasi dan kerahsiaan Maklumat Peribadi anda.

4. Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Kami meletakkan keutamaan dalam memastikan keselamatan dan kerahsiaan Maklumat Peribadi anda dan sentiasa menyemak dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini semasa memproses Maklumat Peribadi anda. Maklumat lanjut tentang kawalan keselamatan boleh didapati di Pernyataan Keselamatan Laman Web kami di www.ammetylifetakaful.com.

5. Pengekalan Maklumat Peribadi

Maklumat Peribadi anda akan disimpan dengan mematuhi Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian anda dengan mana-mana syarikat Kumpulan AmBank atau MetLife untuk tempoh perhubungan anda atau untuk tempoh yang mungkin perlu untuk melindungi kepentingan kedua-dua Kumpulan AmBank atau MetLife dan anda. Pengekalan sedemikian juga perlu seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau mengikut dasar dalaman kami.

6. Hak Anda untuk Mengakses dan Membetulkan Maklumat Peribadi

Jika anda ingin mengakses dan/atau membuat perubahan pada Maklumat Peribadi anda, anda boleh membuat permintaan menggunakan Borang Permintaan Akses dan Pembetulan Data Peribadi kami. Borang ini boleh didapati di semua cawangan kami serta laman web kami, www.ammetylifetakaful.com dan kami akan berusaha untuk mematuhi permintaan anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Maklumat Peribadi anda dalam masa 21 hari selepas menerima borang anda yang lengkap dan yuran pemprosesan yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin menahan akses kepada Maklumat Peribadi anda dalam situasi tertentu, contohnya, apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda, di mana maklumat yang diminta bersifat komersial sulit atau apabila terdapat permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Namun begitu, kami akan memberitahu anda tentang sebab tidak dapat memenuhi permintaan anda. Kami juga mungkin meminta lebih banyak bukti dokumentari untuk mengelakkan kejadian penipuan dan/atau maklumat yang tidak tepat.

Untuk membolehkan kami memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, kami meminta bantuan anda

untuk memastikan Maklumat Peribadi anda sentiasa dikemas kini.

7. Menjalankan Pilihan Anda Berkenaan dengan Pendedahan dan Penggunaan Maklumat Peribadi Anda untuk Tujuan Pemasaran

Anda boleh melaksanakan pilihan anda berkenaan dengan pendedahan dan penggunaan Maklumat Peribadi anda dengan kami. Sekiranya anda memilih untuk tidak menerima sebarang bahan pemasaran daripada kami atau mana-mana rakan kongsi perniagaan pihak ketiga kami, anda boleh sama ada (i) menghubungi kami melalui butiran hubungan yang diberikan di bawah; atau (ii) memilih untuk menarik diri daripada menerima bahan pemasaran, pilihan yang disediakan dalam borang permohonan/cadangan produk atau perkhidmatan kami yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa:

- tanpa mengira pilihan yang anda buat berhubung perkara di atas, anda masih boleh menghubungi kami kemudiannya melalui saluran yang disediakan di bawah untuk menukar pilihan anda. Pilihan terbaharu anda yang dimaklumkan kepada kami akan digunakan. Kami akan mengemas kini pilihan pemasaran terkini anda dalam pangkalan data kami dalam tempoh masa yang munasabah selepas kami menerima komunikasi pilihan anda;
- kami mungkin tidak dapat mengeluarkan Maklumat Peribadi anda daripada pangkalan data rakan kongsi perniagaan pihak ketiga yang telah kami kongsi dengan Maklumat Peribadi anda apabila anda telah memberikan kebenaran nyata anda sebelum ini;
- komunikasi tertentu seperti penyata akaun, surat-menyurat dan laman web kami mungkin mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan kami yang lain yang tidak boleh dialih keluar tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, operasi akaun(-akaun) dan/atau kemudahan(-kemudahan) anda dengan kami, dan/atau kos tambahan kepada anda.

8. Semakan pada Notis Privasi

Kami mungkin menyemak dan mengemas kini Notis ini secara berkala untuk memastikan pematuhan terhadap perubahan dalam undang-undang, praktis perniagaan dan prosedur. Sebarang kemas kini akan dipaparkan di laman web kami dan melalui saluran lain yang sesuai. Dengan mengakses atau menggunakan produk dan perkhidmatan AmMetLife Takaful, serta dengan memberikan Data Peribadi anda secara sukarela (termasuk Data Peribadi Sensitif), anda menerima dan bersetuju dengan Notis Privasi yang telah disemak semula. Semua semakan adalah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi Notis ini, versi Bahasa Inggeris diutamakan.

9. Pertanyaan/Aduan

Untuk maklumat lanjut tentang cara kami memproses Maklumat Peribadi anda, sila log masuk ke tapak web kami dan baca Piagam Perkhidmatan Pelanggan dan Dasar Privasi, seperti yang dinyatakan di bawah:

Laman web	:	www.ammetylifetakaful.com
Portal Pelanggan	:	https://www.ammetylifetakaful.com/cssp/Login.aspx
Khidmat Pelanggan	:	1-300-22-9777
E-mel	:	customercare@ammetylifetakaful.com
Pegawai Perlindungan Data (DPO)	:	askprivacyakaful@ammetylifetakaful.com

Terakhir dikemaskini: Mei 2025